

22/10/2001

Laporan kes wartawan AP salah lapor kenyataan PM siap

KUANTAN, Ahad - Kementerian Penerangan sudah menyiapkan laporan berhubung salah lapor berita Associated Press (AP) mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap serangan udara Amerika Syarikat (AS) terhadap Afghanistan dan akan dibentangkan pada mesyuarat Kabinet minggu depan.

Bagaimanapun, Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu.

"Sebenarnya perkara itu dibangkitkan dalam mesyuarat Kabinet baru-baru ini dan saya diminta membuat laporan mengenainya.

"Saya tidak boleh menyatakan keputusannya sehingga saya mendapat pandangan daripada Kabinet minggu depan.

"Dalam pada itu kita dapat lihat AP sudah meminta maaf secara rasmi dan kita sudah mengumumkannya melalui televisyen dan akhbar. Ini satu perkembangan selepas perkara ini dibangkit dalam Kabinet Rabu lalu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis dialog bersama Jawatankuasa Bertindak PAKR Indera Mahkota, MBSB dan wakil Unit Perumahan kerajaan negeri di sini, hari ini.

Pada 19 Oktober lalu, AP memohon maaf kepada Dr Mahathir, berikutan Wartawannya Sean Yoong, pada 8 Oktober lalu memetik kenyataan Perdana Menteri di luar konteks.

Permohonan maaf itu terkandung dalam satu surat yang ditandatangani di Kuala Lumpur oleh Pengarang berita agensi itu, Rohan Sullivan dan Yoong sendiri dan dialamatkan kepada Perdana Menteri.

Bagaimanapun, pada 11 Oktober, AP dalam beritanya mengakui yang ia sudah memetik kenyataan Dr Mahathir di luar konteks mengenai respons beliau terhadap serangan udara AS ke atas Afghanistan ketika menjawab satu soalan di dewan rakyat.

Kesilapan dalam berita yang ditulis Yoong menyebabkan pejabat Perdana Menteri meminta AP dan pemberita terbabit membuat pembetulan dan memohon maaf kepada Dr Mahathir.

Apabila ditanya sama ada kementeriannya akan menarik balik akreditasi yang dikeluarkan kepada wartawan selepas membuat kesilapan seperti itu, beliau berkata perkara itu akan diteliti.

"Kita tidak mahu memberi pendapat sebelum Kabinet memberi pandangan pada mesyuarat akan datang," katanya.

(END)